

UNDANG LUAK JELEBU

YAM, Dato' Mendika Menteri Dato' Musa bin Wahab, PJK, Undang Luak Jelebu Ke 15, dilahirkan pada 4hb. Sept. 1937 di Kuala Klawang dari suku Biduanda Waris Berundang Perut Sarin. YAM, terdidik di Sekolah Menengah Peradong 1947, Sekolah Menengah Kampal 1951, Darjah 5 dan Sekolah Menengah Kuala Klawang 1953 Darjah 7, Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) 1954 - 1956. YAM, bertugas di Sekolah Menengah Teriang, Jelebu dan hampir ke semua Sekolah Menengah di Jelebu sehingga 1966. YAM, lulus LCE dari Sekolah Lanjutan Undang Jelebu 1960, dan Cambridge School Certificate 1962, lalu belajar secara pos dengan Stamford College, Singapura dan Maktab Wolsey Hall, Oxford, Malaya bidang Sejarah dan Pengajian Melayu lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.) 1970. YAM, sebagai guru berijazah bertugas di Maktab Tengku Kurshiah Seremban dan pada 1970 mengikuti kursus Dip. In. Education di UM, lalu pada 1972 menjadi Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Port Dickson, kemudian bertukar ke Sekolah Menengah Undang Jelebu 1977-1980. YAM, mendaftar di UM untuk mengikuti pengajian Sarjana Pendidikan (M. Ed.) 1974 dan kursus bertulis di Universiti London di bidang Undang-Undang (LLB), cuma tempat M. Ed. (Part 1) dan LLB (Intermediate).

YAM, Dato' Musa pernah mewakili Persatuan Islam Universiti Malaya melawat Indonesia 1969, di sana sempat melawat enam buah bandar besar di Pulau Jawa, Universiti-universiti dan Bali. Semasa menjadi Pengetua, YAM, mengikuti lawatan sambil belajar anjuran Yayasan Jepun dan Kementerian Pelajaran Malaysia ke Jepun 1973, masaitu sempat singgah di Taipei, Hongkong dan Bangkok, menyertai prolek lawatan sambil belajar ke Sarawak 1974 dan menghadiri Persidangan Commonwealth Education Administrators di Pulau Pinang. Dari 1972 - 1979, YAM, menghadiri Persidangan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah peringkat Persekutuan di Ipoh, Pulau Pinang, Johor Baharu dan Kota Bharu. YAM, juga berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan, Pentadbiran Moden di RECSAM Pulau Pinang dan Guidance and Counselling di Kuala Lumpur.

YAM, Dato' Mendika Menteri juga pernah menjadi Pengerusi, UMNO Cawangan Jelin, Biro Pendidikan/Agama UMNO Bahagian Jelebu, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Jelebu, Pengerusi Kebudayaan PERKESAPP Negeri Sembilan, Ahli

Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengakap Daerah Jelebu, Pengerusi MSSD Jelebu dan Ahli Jawatankuasa PEMADAM Daerah. Semasa berkhidmat di Port Dickson menjadi Ahli Kelab Rotary, Ahli Jawatankuasa Belia Daerah, Setiausaha Rukun Tetangga dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau.

YAM, mendapat PJK Negeri Sembilan 1975, pada 30hb. Sept., 1961 mendirikan rumah tangga dengan To' Puan Manoriah bt, Ahmad Bidawi dan dianugerahi tiga orang anak lelaki di samping dua orang anak angkat perempuan. Pada 4hb. Februari, 1980 YAM, dijunjungkan oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alang Raja Sari, Pesaka Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Undang Luak Jelebu Yang ke 15.

Alamat Balai Undang Luak Jelebu, Negeri Sembilan.